

# Fahami penghidap autisme

**Permaisuri Johor mahu penglibatan semua pihak bantu golongan ini**

MASTURAH SURADI

KOTA TINGGI

**P**englibatan awal semua pihak membantu kanak-kanak autisme adalah usaha penting sebagai tanda sokongan kepada golongan tersebut.

Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah bertitah, masih ramai anggota masyarakat pada hari ini yang kurang faham tentang golongan autisme.

Titah baginda, ramai menganggap kanak-kanak

autisme adalah golongan yang suka bersendirian, sukar dikawal.

“Adalah diharap melalui program ini pengetahuan tentang autisme dapat ditingkatkan.

“Satu usaha penting sebagai tanda sokongan buat kanak-kanak autisme adalah melalui penglibatan awal seluruh keluarga serta kerjasama dengan profesional dan petugas-petugas di pusat penjagaan kanak-kanak autisme,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika berangkat ke Majlis Perasmian Program Semarak Biru @ Pengerang bersempena Hari Kesedaran Autisme Sedunia peringkat negeri Johor di SKS Mall City Bandar Penawar, semalam.

Turut berangkat pada program itu, isteri Tunku Mahkota Johor, Che Puan Khaleda Bustamam.



Raja Zarith Sofiah ketika berangkat ke Majlis Perasmian Program Semarak Biru @ Pengerang bersempena Hari Kesedaran Autisme Sedunia peringkat negeri Johor.

Hadir sama, isteri Menteri Besar Johor, Datin Seri Rosni Omar; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Asiah Md

Ariff dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pengerang, Bukhari Abd Rahman.

Raja Zarith Sofiah bertitah,

sebagai masyarakat kita perlu hormati kepelbagaian dan menerima perbezaan yang wujud pada penghidap autisme.

“Bantulah dengan huluran bantuan sebagaimana anda boleh, baik dari segi kewangan mahupun sokongan moral.

“Syabas dan tahniah kepada Yayasan Pengerang yang menubuhkan Autism Cafe di Pengerang yang kedua di Malaysia dan pertama di Johor. Saya berdoa tujuannya menjadi satu tempat latihan kanak-kanak autisme berdikari, tingkatkan komunikasi dan kukuhkan keyakinan diri dalam perhubungan mereka dengan anggota masyarakat lain akan tercapai matlamatnya,” titah baginda.

Terdahulu, program berkenaan merupakan anjuran Johor Corporation menerusi PBT Pengerang dan Yayasan Pengerang dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pendidikan Johor dan UTHM.